

Perkara Mengenai Ghibah (Mengumpat)

“Mengumpat keburukkan orang itu dibolehkan kalau sekiranya mengadungi maksud baik dan betul mengikut syarak serta tidak ada lain jalan melainkan berbuat demikian”, kata Ustaz Ahmad Sonhadji Mohamad seorang anggota Lembaga Majlis Penasihat Islam Singapura dalam ceramahnya di radio. Keterangan ini adalah dengan sendirinya meruntuhkan tuduhan anggota-anggota Majlis Penasihat Islam terhadap kepada rencana pengarang Qalam bulan September 1962 yang menghendaki perubahan-perubahan supaya dijalankan. Bacalah sepenuhnya rencana beliau itu.

Mengumpat (ghibah) dan Hukumnya

Sebelum saya memperkatakan soal ini, elok menyebutkan garis-garis besarnya lebih dahulu iaitu: apa erti mengumpat, pembahagian mengumpat, larangan mengumpat, mengumpat tidak terbatas dengan menggunakan lidah sahaja, yang menyebabkan mengumpat, ubat untuk mencegah lidah jangan mengumpat, dalam beberapa hal yang dibolehkan mengumpat dan akhir sekali apakah tebusannya (kafarahnya) mengumpat.

Sekarang marilah kita perikatakan soal ini satu persatu iaitu:

Apa Erti Mengumpat

Yang dikatakan mengumpat itu ialah: menyebut-nyebut perihal seseorang yang menjadikannya benci bila mengetahuinya, seperti memperkatakan tentang kecacatan “badannya” atau “perangainya” atau “perbuatannya” atau “perkataannya” baik dalam urusan “agamanya” mahupun urusan “duniannya”, hingga memperkatakan yang mengenai pakaiannya, rumahnya dan binatangnya pun dinamakan juga mengumpat.

Ada pun menyebut-nyebut hal orang yang mengenai badannya, misalnya menyebut: si fulan rabun, juling, botak, pendek, panjang, hitam, pucat dan segala jenis kecacatan yang macam mana pun yang menyebabkan benci bila mengetahui ada orang menyebut-nyebutkan dari hal dirinya.

Yang mengenai kecacatan keturunan, misalnya menyebutkan:

si fulan itu bapanya orang jahat, orang buangan, orang fasik dan lain-lain.

Yang mengenai kecacatan perangai, misalnya mengatakan:

si fulan itu buruk lakunya, sombong, bermuka-muka, pemarah, penakut, membabi buta dan lain-lainnya.

Yang mengenai perbuatan dalam urusan agama, misalnya:

si fulan itu pencuri, pembohong, peminum, pengkhianat, zalim, melengah-lengahkan sembahyang, mencuai-cuaikan bayaran zakat, rukuknya atau sujudnya dalam sembahyang tak sempurna, tak berhati-hati pada najis, tak mentati ibu bapanya, tak adil membagi giliran isteri-isterinya dan lain-lain seumpamanya.

Yang mengenai urusan dunia, misalnya: si fulan

itu tak menghiraukan kawan, banyak cakapnya, banyak makannya, kuat tidurnya, duduk buka pada tempatnya.

Dan yang mengenai pakaian atau lain-lainnya, misalnya: si

fulan itu labuh bajunya, kotor pakaiannya, dan lain-lain seumpamanya.

Pembahagian Mengumpat.

Mengumpat itu terbahagi kepada 3 bahagian: (1) Ghibah Namanya, iaitu menyebut yang buruk di belakang orangnya. (2) Buhtan



Orang-orang Islam Romania bersama-sama Ustaz Abu al-Majid dalam lawatannya ke Romania. Di kanannya ialah mufti Romania.

* * *

namanya, iaitu mereka-rekakan perkara yang dusta. (3)

Ifk namanya, iaitu menyebarkan pesona yang didengar.

Adalah diriwayatkan bahawa Nabi *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*, telah bertanya kepada sahabat-sahabatnya: “tahukah kami apa dia ghibah (umpat)??” Mereka jawab: “Allah dan rasul-Nyalah yang lebih tahu”. Maka diterangkan oleh Nabi *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*, ghibah itu, iaitu:

“zikruka akhāka bimā yukrihihu”

Ertinya: “Engkau sebutkan tentang saudaramu yang dibenci olehnya.”

Ketika ditanya oleh mereka pula: “bagaimana pula kalau yang saya katakan itu betul?” Dijawabnya: “kalau betul dengan apa yang engkau katakan, namanya mengumpat (ghibah) dan kalau tak betul, engkau telah berdusta terhadapnya (buhtan) namanya.

Larangan Mengumpat

Allah telah berfirman dalam Qur’an surah al-Ḥujurāt, ayat 12, di antaranya berbunyi:

Walā yaḡtab ba ‘ḍukum ba ‘ḍā. Ayuḡibbu aḡadukum an ya ‘kula laḡma akhīhi maytān fakarihtumūh.

Ertinya: “Dan janganlah pula kamu mengumpat antara satu sama lain. Sukakah seseorang kamu memakan daging saudaranya yang telah mati (bangkainya) pada hal kamu benci memakannya?”

Maksud ayat ini iaitu melarang orang-orang mukmin mengumpat sesama mereka, jangan memperkatakan seseorang di belakangnya, atau menyebut-nyebut perihal seseorang yang menjadikannya benci bila mengetahuinya. Kerana orang-orang yang telah berbuat demikian iaitu mengumpat sesama saudaranya, diibaratkan sebagai orang yang memakan bangkai saudaranya.

Nabi *ṣallā Allāhu alayhi wa sallam* bersabda:

Lā taḡsadū walā tabāḡhadū walā tafāḡhashū walā tudabbirū walā yaḡtab ba ‘ḍukum ba ‘ḍā wakū nū ‘ibād Allāh ikhwanā.

Ertinya: “jangan kamu berdengki-dengkian, jangan berbenci-bencian, jangan berkasar-kasaran, jangan memutuskan tali perhubungan dan jangan mengumpat sesama kamu, malahan jadilah kamu hamba Allah yang bersaudara.”

Larangan mengumpat ini jelas, hukumnya iaitu haram. Kerana mengumpat itu adalah merupakan pelanggaran terhadap nama atau kedudukan atau kehormatan seseorang yang dinamakan dalam bahasa Arabnya “*‘ard*”. Dan pelanggaran terhadap nama dan kedudukan atau kehormatan seseorang yang dinamakan dalam bahasa Arabnya “*‘ard*”. Dan pelanggaran terhadap “*‘ard*” atau kehormatan seseorang itu adalah merupakan larangan yang termasuk dalam hak-hak harta, dan darah seseorang. Sebagaimana yang diterangkan oleh Nabi *ṣallā Allāhu alayhi wa sallam*, dengan sabdanya:

kullu al-muslim ‘alā al-muslim harām damuhu wamāluhu wa ‘irḡuhu.

Ertinya: “Seseorang Muslim terhadap seseorang Muslim yang lain haram menumpahkan darahnya, haram mengambil hartanya, dan haram menjatuhkan kehormatannya.”

Dari Jabir dan Abu Sa'id telah meriwayatkan, katanya, Nabi *ṣallā Allāhu alayhi wa sallam* ada bersabda : “Janganlah kamu mengumpat kerana mengumpat itu lebih dahsyat dari zina. Seseorang yang berzina lalu bertaubat Allah akan terima taubatnya, sedang orang yang mengumpat tiada kan diampuni dosanya sehingga orang yang diumpatnya telah memaafkannya.”

Dari Anas katanya, Nabi telah bersabda: yang kira-kira ertinya: “saya telah melalui satu kaum pada malam yang saya telah diisra'kan kaum tersebut telah mencakar-cakar mukanya dengan kukunya. Saya tanyakan kepada Jibril, sipakah mereka itu? Dijawab oleh Jibril, mereka itulah orang-orang yang mengumpat dan menjatuhkan kehormatan orang”.

Dari Bura', katanya, Nabi *ṣallā Allāhu alayhi wa sallam* telah berpidato - atau sehingga didengarkan oleh hamba-hamba sahaya perempuan yang di rumah mereka - katanya: “wahai kumpulan orang-orang yang beriman dengan lidahnya, tetapi tidak beriman dengan hatinya! Janganlah kamu mengumpat orang-orang Islam dan janganlah mengesan-ngesan aurat (rahsia) mereka. Kerana barang siapa mengesan-ngesan rahsia saudaranya, Allah akan mengesan-ngesan pula rahsianya. Dan barang siapa Allah kesan rahsianya, Allah bukakan keburukannya sekalipun dia sembunyi dalam rumahnya.”

Juga dari Anas katanya: Rasulullah *ṣallā Allāhu alayhi wa sallam* telah menyuruh orang-orang berpuasa sehari seraya berkata: “jangan seseorang pun berbuka sehingga aku izinkan dia!” Maka orang-orang pun puasalah. Bila hari telah petang, seorang mendatangi baginda dan berkata: “ya Rasulullah saya berterus puasa maka izinkanlah saya berbuka.” Maka Nabi *ṣallā Allāhu alayhi wa sallam* mengizinkannya. Lalu datanglah seorang demi seorang, sehingga sampai seorang yang berkata: “ya Rasulullah ada dua orang perempuan dari anak buah tuan berterusan puasa, keduanya malu hendak datang meminta izin

kepada tuan supaya dibenarkan berbuka.” Nabi *ṣallā Allāhu alayhi wa sallam* telah enggan memberinya izin. Kemudian diulangnya memintakan izin oleh orang itu, tetapi Nabi masih enggan juga. Kemudian diulangi lagi, maka berkata Nabi *ṣallā Allāhu alayhi wa sallam*: kedua perempuan itu bukanlah puasa. Bagaimana dikatakan puasa sepanjang hari pada hal memakan daging manusia? Pergilah engkau! Kalau betul keduanya puasa, suruhlah muntah!” Baliklah orang itu lalu menceritakan kepada keduanya. Keduanya pun memuntahkan - masing-masing keluar seketul darah dari mulutnya. Maka kembalilah orang itu mendapatkan Nabi dan menceritakan kepada baginda. Baginda pun bersabda: “demi Tuhan yang aku dalam kekuasaan-Nya! Kalau masih lagi darah itu di perutnya, nescaya perut keduanya akan dimakan oleh api neraka.

Pada setengah riwayat yang lain pula:

Manakala Nabi *ṣallā Allāhu alayhi wa sallam* enggan memberikan izin untuk berbuka, datang lagi orang itu mengkhabarkan kepada Nabi, katanya: “ya Rasulullah! Kedua perempuan itu telah mati atau hampir mati”. Maka dijawab oleh Nabi *ṣallā Allāhu alayhi wa sallam*: “bawa keduanya ke mari!” Lalu keduanya datang Nabi meminta ambikkan mangkuk, lalu berkata kepada salah seorang dari keduanya: “muntahlah engkau!” Maka muntahlah perempuan itu yang merupakan nanah, darah dan campuran darah dengan nanah yang busuk sehingga memenuhi mangkuk. Kemudian baginda berkata kepada yang seorang pula “muntahlah engkau” maka begitulah pula caranya ia muntah. Berkata Nabi *ṣallā Allāhu alayhi wa sallam* “sesungguhnya kedua perempuan ini berpuasa akan apa yang dihalalkan Allah, tetapi berbuka akan apa-apa yang diharamkan oleh Allah. Keduanya duduk memakan daging manusia.” Maksudnya: dalam puasa keduanya mengumpat (ghibah).

Di sini ada pula sebuah cerita yang lain adalah diriwayatkan manakala Rasulullah *ṣallā Allāhu alayhi wa sallam* telah menghukum rejam ke atas seorang lelaki yang berbuat zina bernama Mā'iz, kedatangan dua orang yang menyaksikan kematian Mā'iz itu salah seorang dari keduanya telah berkata kepada temannya: “dia ini (Mā'iz) telah mati seperti kematian anjing sahaja layaknya.” Yakni keduanya telah mengumpat akibat keburukan Mā'iz yang telah mati itu. Perbuatan mengumpat ke atas orang yang sudah mati yang telah pun diampuni tuhan kerana dia telah rela menjalani hukuman rejam hingga mati, adalah suatu perbuatan mengumpat yang terlarang. Pada waktu itu Nabi *ṣallā Allāhu alayhi wa sallam* telah lalu di hadapan kedua orang yang sedang mengumpat itu dan didekatnya ada bangkai. Nabi *ṣallā Allāhu alayhi wa sallam* telah berkata kepada keduanya: “makanlah (bangkai) ini!” Dijawab oleh keduanya: “ya Rasulullah! Adakah tuan hamba menyuruh kami memakannya?” Dijawab oleh Nabi *ṣallā Allāhu alayhi wa sallam*: “Apa yang kamu katakan (umpat) terhadap kepada saudaramu itu, itulah yang lebih busuk lagi dari bangkai ini.”

Mengumpat tidak terbatas hanya dengan menggunakan lidah sahaja

Mengumpat itu biasanya memanglah dengan menggunakan lidah. Lidahlah yang membangkitkan keburukan seseorang dengan berupa tutur kata atau bercakap. Membangkitkan keburukan atau kecacatan seorang itulah yang dikatakan mengumpat yang menjadi pokok larangan - tidak dikira apa jenis alat yang dipakai untuk membangkitkan keburukan itu - dan tentunya bukan lidah sahaja yang dapat berbuat demikian. Malahan kerja mengumpat itu dapat dilakukan oleh anggota-anggota badan yang lain pula, misalnya: dengan isyarat, mengangguk-angguk, menjeling-jeling, mengkerdip-kerdip, berbatuk-batuk, berbisik-bisik, menggerak-gerakkan badan, dan yang lebih dahsyat lagi dengan menggunakan tulisan membuat rencana-rencana yang diperedarkan pula untuk bacaan-bacaan umum.

Mendengarkan orang mengumpat, juga dikira mengumpat atau sekurang-kurangnya bersyubhah dengannya selagi si pendengar itu menyetujuinya atau tertarik hati dan kehairanan mendengarnya, walaupun hanya mendengarkan sahaja, tetapi bagi si pengumpat merupakan galakan atau dorongan untuk mengumpat dengan lebih berani lagi sebab umpatnya telah mendapat perhatian orang.

Untuk mengelakkan diri dari bersyubhah di dalam mengumpat hendaklah mengingkarkannya sama ada dengan perbuatan atau pun dengan perkataan dengan sekurang-kurangnya tidak mempersetujui di dalam hati.

Selain mengumpat itu dapat dilakukan oleh tubuh anggota yang lahir, dapat pula dilakukan oleh anggota batin iaitu hati. Mengumpat dengan hati ini pun ditegah. Dalam bahasa Arab namanya “*zann*” iaitu sangka-sangka

Menyangka buruk terhadap seseorang adalah ditegah, berdasarkan firman Allah yang berbunyi:

Yā ayyuhā al-lazīna amanū ijtānībū kathirā min al-zann an ba'd al-zann ithm.

Ertinya: “hai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan sangka-sangka, kerana setengah sangka-sangka itu ialah dosa.”

Yang Menyebabkan Orang Mengumpat

Sebenarnya mengumpat itu adalah didorong oleh beberapa banyak sebab. Di antara sebab-sebabnya ialah:

1) Kerana melepaskan marah misalnya, oleh kerana ia marah kepada seseorang, dibangkitkannya kata-kata buruknya. Hanya dengan demikianlah pada fikirannya kemarahannya akan reda dan dia berasa puas. Kalau tidak, akan terbukulah dan dengki yang tak hilang di dalam hati.

2) Kerana mengambil hati kawan dalam bercakap-cakap serta melayaninya, supaya jangan disangkakan tak pandai

bergaul- walaupun terang-terang perkara yang dicakapkan itu mengumpat orang,

3) Kerana minta perhatian orang bahawa ada orang yang hendak memburuk-burukannya, maka sebelum orang itu memburuk-burukannya, orang itulah yang diburukannya terlebih dahulu.

4) Kerana hendak melepaskan diri dari tanggungan lalu dibebankan tanggungan itu atau keburukannya kepada orang lain.

5) Kerana hendak bermegah-megah bahawa dialah yang pandai, dialah yang lebih dialah yang kuat, sedang si fulan itulah yang bodoh, si fulan itulah tak faham, lemah dan yang seumpamanya.

6) Kerana dengki, sebab ia mendapati orang lain misalnya, selalu mendapat pujian, disukai ramai dan dihormati maka untuk mencita-citakan hilangnya kelebihan yang dinikmati oleh orang itu, tak ada jalan lain baginya hanyalah memburuk-burukannya dengan mengumpat di belakangnya.

7) Bermain-main, bergurau dan ketawa-ketawa. Maka dengan tidak disedari telah mengandungi umpatan dengan perkataan atau lakonan.

8) Kerana hendak mempersenda, mengejek dan menghinakan - baik di hadapan mahu pun di belakang orang yang diumpatnya.

Sebab-sebab yang diterangkan tadi adalah mengenai umum, maka ada pula sebab-sebab yang dapat mendorong orang mengumpat - biasanya berlaku - di kalangan orang-orang alim, cerdik pandai dan pemuka agama. Mereka itu kadang-kadang tidak menyedari telah menempatkan rasa kehairanan atau rasa kasihan atau pun rasa kemarahan di dalam mengingkari perbuatan orang-orang yang melakukan kesalahan-kesalahan

dalam agama – dilahirkannya - di hadapan umum. Misalnya mereka katakan: “saya hairan benar melihat perbuatan mungkar yang dilakukan oleh si fulan-fulan itu”. Kata-kata begini walaupun bagi mereka itu benar, tetapi cara kehairanan yang mereka tunjukkan itu dikira sebagai kesalahan. Sepatutnya mereka hanya menyebutkan perbuatan yang dilakukan itu adalah perbuatan yang mungkar, dan tidaklah semestikan¹ disebutkan pula orangnya atau peribadinya dengan menyebutkan namanya berterang-terang kerana menyebutkan perbuatan yang mungkar dengan mengaitkan nama seseorang berterang-terang terutama di hadapan umum itu mengumpat namanya.

Tubuh Untuk Mencegah Lidah Jangan Mengumpat

Sesungguhnya semua pekerti buruk dapat diubah. Mengubahnya tentulah dengan berilmu dan beramal. Tetapi ubat yang paling mujarab ialah melawan sebab-sebab yang menjadi punca keburukan pekerti itu sendiri. Hindarkan dan elakkanlah dahulu punca-punca yang Menyebabkannya.

Banyak ikhtiar boleh dibuat untuk mengubah lidah jangan mengumpat. Misalnya kalau ditimbulkan oleh perasaan marah, hilangkanlah kemarahan. Kalau dengki, hilangkanlah kedengkian. Kalau bermegah-megah hilangkanlah kemegahan-kemegahan. Kalau bergurau, mengejek, kehairanan dan lain-lain seumpamanya, hilangkanlah semua punca yang menyebabkannya tadi.

Suatu ikhtiyar yang baik lagi ialah dengan mengingat-ingat larangan Allah dan tegahan rasul-Nya mengenai ghibah atau mengumpat itu. Di dalam kitab suci al-Qur'an dan hadith Nabi ada digambarkan bagaimana mengumpat itu dapat menghapuskan kebajikan dan menghilangkan pahala di hari akhirat. Orang yang mengumpat jika memiliki kebajikan atau pahala, akan dipindahkan kebajikan atau pahalanya kepada orang yang diumpatnya, dan kalau tak pun kebajikan atau pahala maka akan

¹ Ayat sepatutnya ialah semestinya

dipindahkan pula kejahatan atau dosa orang yang diumpatnya itu kepadanya. Selain itu orang yang mengumpat itu disamakan dengan orang yang memakan bangkai kawannya.

Maka dengan mengingat-ingat akan adanya ancaman-ancaman yang seperti ini, akan berhentilah ia dari mengumpat orang atau menginsafi bahawa tak ada seorangpun dalam dunia ini yang tidak ada cacian, dan merasakan kalau diri sendiri tidak suka diumpat orang, tentunya tidak pula suka mengumpat orang lain.

Perkara-perkara Yang Dibolehkan Padanya Mengumpat

Mengumpat keburukan orang itu dibolehkan kalau sekiranya mengandungi maksud baik dan betul mengikut syarak serta tidak ada lain jalan melainkan berbuat demikian.

1) Kerana teraniyai. Misalnya seseorang itu mengatakan tentang hakim yang menjauhkan ke atasnya hukuman secara tidak adil, atau mengkhianatinya, atau memakan suap (rasuah). Mengumpat begini adalah maksiat, kecuali jika benar-benar ia teraniyai.

2) Mengharapkan agar orang yang tersalah jalan berbalik menjadi baik. Misalnya menceritakan kesalahan seseorang kepada sahabatnya dengan harapan sahabatnya mahu menasihatinya, dan dengan nasihat itu pula diharap dia menjadi baik.

3) Kerana meminta fatwa. Misalnya mengadukan kepada tuan mufti tentang kemusykilan yang sedang di hadapinya antara dirinya dengan isterinya atau ibu bapanya atau saudaranya iaitu umpatan yang bertujuan meminta fatwa atau meminta nasihat.

4) Memperingatkan orang Islam dari bencana-bencana. Misalnya jika mengetahui sahabatnya menggajikan seseorang yang terkenal penipu atau pecah amanah, lalu diperingatkan bencananya supaya kelak tidak merugikannya.

Bahkan dalam hubungan ini ada 3 golongan orang-orang yang mendapatkan bencana itu boleh diumpat. Mereka itu ialah:

- 1) Ketua yang zalim (*al-imām al-Jāir*)
- 2) Orang yang mengada-adakan perkara baru (bid'ah yang menyesatkan) dalam agama.
- 3) Orang fasiq yang berterang-terangan membuat maksiat.

Menyebutkan keburukan pekerti mereka ini tidaklah dikira mengumpat dan tidak dilarang kerana tujuannya menghindarkan dari bencananya, dan supaya menjadi tauladan jangan ditiru orang lain.

Tebusan Mengumpat

Setelah mengetahui tentang larangan mengumpat, eloklah pula mengetahui bagaimana cara menebusnya, kerana mengumpat itu merupakan dosa yang besar, sebab setengah kita kalau tak boleh dikatakan setiap ketika, sesungguhnya tidaklah luput dari mengumpat orang.

Allah telah menyuruh orang yang mengumpat itu supaya bertaubat. Dan disuruhnya supaya meminta maaf kepada orang yang diumpatnya. Dan sekiranya kkuatir disebabkan berterus terang akan menyebabkan kemarahan dan permusuhan, mintaklah ampun kesalahan orang yang diumpat itu kepada Allah, ucapkanlah istighfar baginya. Dan hanya dengan bertaubat serta memintakan ampun kepada Allah akan orang yang diumpat itulah sahaja sebagai penebusnya.

Marilah bersama-sama kita jauhi umpat-mengumpat, pohonkanlah ampun orang yang menjadi mangsa umpatan kita.

(Ucapan ini disiarkan oleh menerusi radio

Suara Singapura bulan Januari 1962).